

Semua pihak bertanggungjawab lindungi hidupan liar



Jabatan Sains Perhutanan dan Biodiversiti, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, UPM

Oleh Prof Dr Mohd Hasmadi Ismail
bhrencana@bh.com.my

Bertemakan 'Perkongsian untuk pemuliharaan hidupan liar' sambutan Hari Hidupan Liar Sedunia tahun ini bermatlamat menyeru manusia dalam kalangan individu sehingga kepada organisasi untuk bersama-sama melindungi hidupan liar dan habitat mereka.

Perkongsian tanggungjawab ini boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk daripada inisiatif berskala kecil seperti mengumpul dana hidupan liar di sekolah dan universiti kepada kerjasama berskala besar antara kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti.

Sambutan diraikan pada setiap 3 Mac ini, pada tahun ini diraikan juga sempena ulang tahun ke-50 Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Fauna dan Flora Liar Diancam Kepupusan (CITES), satu perjanjian antarabangsa dimeterai bertujuan mengawal dan memantau perdagangan antarabangsa spesies terancam.

Perkongsian tanggungjawab ini memainkan peranan penting dalam melindungi spesies hidupan liar daripada kesan perdagangan haram dan eksploitasi melampau oleh manusia.

Dalam konteks Malaysia, hidupan liar di negara ini bukan sahaja sumber tidak ternilai, tetapi juga sebahagian daripada budaya dan warisan negara.

Sebagai antara negara kaya dengan kepelbagaian biodiversiti di dunia, menjadi tanggungjawab kita untuk melindungi hidupan liar dan habitatnya yang berharga.

Kehilangan habitat semula jadi

Malaysia mempunyai banyak hidupan liar pelbagai dan unik, terutama di kawasan pemuliharaan seperti di Taman Negara, termasuk Sabah dan Sarawak.

Hidupan liar di Malaysia semakin terancam akibat kehilangan kawasan habitat semula jadi dan aktiviti manusia seperti pembalakan haram, pembangunan infrastruktur dan pemburuan liar.

Isu kesalahan dan kes hidupan liar di Malaysia adalah masalah serius mengancam kelestarian spesies liar serta keseimbangan ekosistem.

Antara isu sering dilaporkan ialah pembalakan haram, pemburuan haram, pencemaran habitat seperti pencemaran udara, air dan tanah mempengaruhi hidupan liar. Pencemaran juga mengganggu habitat hidupan liar dan ekosistem.

Perdagangan haram spesies hidupan liar menjadi ancaman besar di Malaysia. Beberapa spesies hidupan liar diburu untuk dijual di pasaran gelap dan perdagangan ini mengancam kelestarian spesies terbabit. Oleh itu tindakan penguatkuasaan berterusan penting untuk melindungi hidupan liar di Malaysia.

Ini termasuk memperketat undang-undang perlindungan, meningkatkan kesedaran masyarakat

dan mengambil tindakan mengurangkan aktiviti merosakkan habitat hidupan liar. Dengan demikian, kita dapat memastikan kelestarian spesies liar dan keseimbangan ekosistem di Malaysia.

Usaha melindungi hidupan liar juga agenda penting untuk mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) ditetapkan PBB.

Ini termasuk mengukuhkan dasar dan tindakan mengurangkan kerosakan habitat hidupan liar; memperkenalkan undang-undang ketat bagi melindungi spesies liar dan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan biodiversiti serta perlindungan hidupan liar.

Sebagai contoh hubungan antara hidupan liar dan SDG ialah dalam SDG 14 (Kehidupan bawah air), ia menekankan kepentingan hidupan liar dalam ekosistem air, seperti ikan dan mamalia laut, memiliki peranan penting menjaga kelestarian laut serta memberikan sumber makanan bagi manusia.

Dalam SDG 15 (Kehidupan darat), ia menekankan pentingnya melindungi kepelbagaian hayat di darat, seperti hutan, taman negara, dan habitat liar lainnya. Meningkatkan kelestarian dan kesejahteraan hidupan laut, hidupan liar darat dan habitat mereka adalah kunci untuk mencapai tujuan SDG 14 dan SDG 15.

Kesimpulannya, Hari Hidupan Liar Sedunia 2023 menjadi peringatan usaha pemuliharaan memerlukan kerjasama dan perkongsian tanggungjawab pada semua peringkat untuk memastikan kelestarian dan kesejahteraan hidupan liar selari SDG.